



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16.11.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:				

BH Rabu, 16 November 2022

Nasional

17

# Ladang solar terapung Danau Tok Uban jana ekonomi penduduk

Projek ikonik bertaraf dunia di kawasan tasik seluas 40 hektar dijangka operasi Mac depan

Oleh Hazira Ahmad Zaidi  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Pembinaan projek Ladang Solar Terapung Danau Tok Uban bakal mengubah landskap masa depan khususnya Pasir Mas termasuk membuka peluang pekerjaan, menjana ekonomi penduduk, selain tarikan pelancongan.

Projek berkenaan akan menjadi faktor penarik kepada kawasan Danau Tok Uban, khususnya dalam bidang pelancongan termasuk industri pengeluaran makanan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik

Abdullah, berkata ladang solar yang sedang dibina membabitkan kos berjumlah RM500 juta itu kini hampir 90 peratus siap dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada Mac tahun hadapan.

Beliau berkata, ladang solar terapung di kawasan tasik seluas 40 hektar membabitkan 247,830 panel solar itu adalah projek ikonik bertaraf dunia apabila ia diiktiraf sebagai ladang solar terapung terbesar di Asia Tenggara dan ketiga pada peringkat dunia.

"Ia dibangunkan oleh syarikat Cypark Resources Sdn Bhd dengan usaha sama salah sebuah anak syarikat kerajaan negeri, Kelantan Utilities Mubaraakan Holdings Sdn Bhd.

"Projek panel solar ini secara tidak langsung boleh menjana lebih 100,000 MWh kuasa setahun yang dapat memberi manfaat kepada 40,000 rumah yang berada di sekitarnya.

Pada masa sama, daerah ini akan menjadi destinasi pelabur," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kompleks Kota Darulnaim.

### Agro pelancongan

Mohd Amar berkata, pembangunan sampingan yang bakal berlaku di kawasan berkenaan juga termasuk pelaksanaan agro pelancongan yang dapat menjana pendapatan kepada penduduk sekitar, sekali gus meningkatkan ekonomi dan kehidupan mereka.

"Ia juga dapat mewujudkan beberapa aktiviti ekonomi tempatan seperti akuakultur, di mana permintaan bagi ikan ternakan akan meningkat, sekali gus menamb

bah pendapatan kepada nelayan. "Selain itu, antara pembangunan lain yang akan dilaksanakan adalah pembinaan resort yang akan menarik pelancong mengadakan aktiviti sukan air di ka-



Pembinaan projek Ladang Solar Terapung Danau Tok Uban bakal mengubah landskap masa depan Pasir Mas. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

wasan tasik berkenaan," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan (PIPM) yang memfokuskan kepada pelaksanaan

agenda pembangunan sosioekonomi negeri secara inklusif membabitkan pihak berkepentingan. Katanya, projek itu juga mampu menawarkan 2,000 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

